



Buletin Kelab

<http://iium.edu.my/kkk>

KELUARAN 02/14

Mei 2014

, "Sampaikanlah pesanku biarpun satu ayat..!"

Kandungan

Pengenalan KKK	2
Adab Dalam Islam	3
Sifat Isteri Solehah	4
Petua	5
Mengenal Rasulullah	6
Kelebihan Al- Quran	8
Bersama Setiausaha Agong	10

Seseorang manusia harus cukup rendah hati untuk mengakui kesilapannya, cukup bijak untuk mengambil manfaat daripada kegagalannya dan cukup berani untuk membetulkan kesilapannya

AKTIVITI YANG TELAH DAN AKAN DIADAKAN DI PUSAT ASASI UIAM

KELAS PENGAJIAN AL-QURAN

Adalah dimaklumkan **Kelab Kebajikan Ka-kitangan Pusat Asasi UIAM** akan mengadakan Kelas Pengajian Al-Quran 2014 pada setiap hari Khamis jam 2.30 hingga 3.30 petang. Kelas pertama akan bermula pada 08/05/2014 (Khamis).

Aktiviti yang akan dan telah dijalankan di Pusat Asasi UIAM

- SFS untuk Semester 3 2013/2014 - 31 Mac – 13 April 2014
- Pra Pendaftaran untuk Semester 1 2014/2015 - 14 – 20 April 2014
- Pamirkan laporan dan keputusan SFS (untuk pensarah dan pentadbiran) – 21 April 2014
- Pamirkan slip peperiksaan (untuk pelajar): 23/4/14
- Tarikh peperiksaan akhir: 5/5/14- 14/5/14
- Tarikh Pensyarah key in markah semester akhir: 28/4/14 - 28-5-14 (sebelum 12petang.)
- Mesyurat BOE pada 4/6/14
- Pamirkan keputusan peperiksaan semester 3, 2013/2014 pada 11/6/14
- Kemasukan Pelajar Baru Sesi 2014/2015 – 7- 8 June 2014



Program yang dijalankan oleh Jabatan Science Program Pusat Asasi UIAM

- Temuduga untuk *Kulliyah of Allied Health Sciences* berlangsung pada 8/4/2014
- Temuduga untuk *Kulliyah of Medicine* berlangsung pada 10/4/2014
- Temuduga untuk *Kulliyah of Dentistry* berlangsung pada 14/4/2014
- Temuduga untuk *Kulliyah of Pharmacy* akan berlangsung pada 22/4/2014



- Temuduga untuk *Kulliyah of Nursing* akan berlangsung pada 24/4/2014

Program yang dijalankan oleh Jabatan Kemasukan dan Rekod

- Meeting teknikal surat tawaran 16 April 2014 at Bilik Mesyurat Al-Shafi'i
- Pre-Council 1 – Mesyuarat semakan dan pengesahan syarat bagi program 23 - 25 April 2014 di Putra Jaya lepasan SPM
- Surat Tawaran untuk 'O' Level 30 April 2014 di Pusat Asasi, PJ
- Keputusan pengambilan pelajar baru 2014/2015 9 Mei 2014 di Pusat Asasi, PJ
- Surat Tawaran untuk CFS'IIUM untuk pengambilan pelajar baru - 12 May 2014 di Pusat Asasi, Petaling Jaya.
- Surat Tawaran Biasiswa untuk pengambilan pelajar baru -12 May 2014 di Pusat Asasi, Petaling Jaya Bahagian Kewangan
- Permohonan 'E-Rayuan' - 19 – 29 May 2014 UPU, Pusat Asasi, Petaling Jaya.
- Hari Pendaftaran - 7 & 8 Jun 2014 di Pusat Asasi, Petaling Jaya.
- Hari Pendaftaran - 8 Jun 2014 Gambang, Kuantan
- Peperiksaan APT & EPT 9 Jun 2014 di Pusat Asasi, Petaling Jaya & Gambang Kuantan.

PENGENALAN KELAB KEBAJIKAN PUSAT ASASI UIAM

Kelab Kebajikan Kakitangan Pusat Matrikulasi UIAM (Kelab Kebajikan) telah ditubuhkan pada 20 Mac 1989 di Seksyen 15, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Ianya ditubuhkan di atas dasar kerjasama dan muafakat semua lapisan kakitangan pentadbiran Pusat Matrikulasi yang pada masa itu bertempat di Subang Jaya, Selangor. Tujuan utama Kelab Kebajikan ini ditubuhkan ialah bagi mewujudkan semangat persaudaraan dan kekeluargaan di antara ahli-ahlinya yang pada ketika itu hanya berjumlah dua puluh (20) orang sahaja. Bagi mencapai tujuan tersebut Kelab ini telah menjalankan berbagai aktiviti termasuklah rehlah dan riadah, pendidikan, ekonomi, kebajikan dan penerbitan. En. Mohsin Ibrahim (Penolong Pendaftar waktu itu) telah menjadi penaung pertama Kelab, manakala pengerusi pertamanya ialah En. Shamuddin Musa. Dari aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dari masa ke semasa Kelab Kebajikan terus maju dan berkekalan hingga ke hari ini.

Pada bulan Julai 1990 Pusat Matrikulasi, UIAM telah berpindah ke kampus baru di Lembah Pantai. Dengan pembesaran dan perkembangan Pusat Matrikulasi maka ahlinya juga melebihi seramai seratus (100) orang. Bagi melancarkan perjalanan

aktiviti-aktiviti kelab ini, bilangan Ahli jawatankuasanya yang berjumlah tujuh (7) orang pada tahun 1989 telah bertambah menjadi tiga belas (13) orang pada tahun 1992 dan kepada empat belas (14) orang pada tahun 1993.

Bagi memantapkan lagi imej Kelab Kebajikan pihak Ahli Jawatankuasa Kelab telah menganjurkan satu pertandingan bagi mencipta logo Kelab. Pada 1hb April 1994, logo Kelab Kebajikan dilancarkan dengan rasminya oleh Dekan Pusat Matrikulasi UIAM, Dr. Sidek Baba. Logo dan Kepal surat Kelab mula digunakan pada bulan Ogos pada tahun yang sama.

Pada bulan Julai 1994, Kelab Kebajikan telah bersejua membuka keahlian bersekutu kepada bekas ahli-ahli Kelab yang telah berhenti dari UIAM atau ditukarkan bertugas di jabatan-jabatan lain di UIAM. Langkah memanjangkan keahlian Kelab ini adalah bertujuan untuk megekalkan tali silaturrahim dan semangat kekeluargaan kepada kakitangan yang pernah berkhidmat di Pusat Matrikulasi dengan ahli-ahli Kelab yang masih bertugas di sini.



Ahli Jawatankuasa KKK Bagi Tahun 2013 & 2014



Pengerusi

Mohd Salmee Mohd Sari



Timbalan Pengerusi I (Lelaki)

Mohd Farisali Harisi



Timbalan Pengerusi II (Wanita)

Rohani Amat



Setiausaha Agung

Nor Adilah Mohd Rukon



Penolong Setiausaha Agung

Rosinawani Mustafa



Bendahari

Nor Azlina Ali



Penolong Bendahari

Zainab Abd Rani



Biro Penerbitan Perhubungan
Mohd Amin Hj. Ismail



Biro Pendidikan
Ahmad Nazri Abd Razak



Biro Rehlah & Riadah (Lelaki)
Azrul Hazle Ishak



Biro Rehlah & Riadah (Wanita)
Noor Ramah Jumiran



Biro Ekonomi
Fatimah Man



Biro Kebajikan
Rosmiza Jusoh



Juruaudit 1
Mokhtar Ahmad



Juruaudit 11
Norhayati Abdullah

Mutiara Kata

Waktu kamu lahir, kamu menangis dan orang-orang di sekelilingmu tersenyum. Jalanilah hidupmu sehingga pada waktu kamu meninggal, kamu tersenyum dan orang-orang di sekelilingmu menangis.

Sahabat sejati adalah mereka yang sanggup berada disisimu ketika kamu memerlukan sokongan walaupun saat itu mereka sepatutnya berada di tempat lain yang lebih menyenangkan.

Setitik dakwat mampu membuat sejuta manusia berfikir tentangnya.

Dalam hidup,terkadang kita lebih banyak mendapatkan apa yang tidak kita inginkan. Dan ketika kita mendapatkan apa yang kita inginkan, akhirnya kita tahu bahawa yang kita inginkan terkadang tidak dapat membuat hidup kita menjadi lebih bahagia.

ADAB DUDUK DI DALAM MAJLIS

ADAB DALAM ISLAM - Bahagian 2

- Hendaklah bersalaman dengan semua orang yang di temuinya.
- Hendaklah duduk di tempat yang ditunjuk oleh tuan rumah.
- Hendaklah duduk di samping orang ramai, bukan di tengah-tengah mereka.
- Tidak boleh duduk antara dua orang melainkan dengan izin keduanya.
- Hendaklah orang yang datang lewat duduk di akhir majlis atau di belakang.
- Hendaklah memohon izin jika ingin keluar dari sesuatu majlis.

ADAB MENZIARAH PESAKIT

Hadis Nabi s.a.w bermaksud :

Hak seorang ke atas muslim yang lain ada lima: Menjawab salam,menziarahi pesakit, mengikut jenazah, menerima undangan dan mendoakan orang yang bersin.

- Menyegerakan untuk menziarah.
- Memendekkan ziarah atau memanjangkan mengikut keadaan.
- Mendoakan pesakit ketika menemuinya dengan doa:

“Ya Allah yang menguasai (memelihara) manusia, hilangkanlah penyakitnya dan sembuhkanlah (sakitnya). Engkau zat yang menyembuhkan penyakit, tidak ada penyembuk kecuali dengan penyembuh Engkau, sembuh yang tiada meninggalkan penyakit lagi.”

- Sunat bertanyakan hal pesakit kepada keluarganya.
- Sunat orang menzarah duduk di kepala pesakit.
- Sunat menyedapkan perasaan pesakit dengan penyembuhan segera dan panjang umur.
- Mengingatkan dengan ucapan “Laa Ilaha Illallah” sekiranya si pesakit dalam keadaan nazak.



Sifat isteri solehah lainnya boleh diperincikan berikut:

1. Penuh kasih sayang, selalu kembali kepada suaminya dan mencari maafnya. Rasulullah SAW bersabda: "Mahukah aku beritahukan kepada kalian, isteri-isteri kamu yang menjadi penghuni syurga ialah isteri yang penuh kasih sayang, banyak anak, selalu kembali kepada suaminya. Di mana jika suaminya marah, dia mendatangi suaminya dan meletakkan tangannya pada tangan suaminya seraya berkata: "Aku tak dapat tidur sebelum engkau reda". (riwayat al-Nasai dalam *Isyaratun Nisa* no. 257.)
2. Melayani suaminya (berkhidmat kepada suami) seperti menyiapkan makan minumannya, tempat tidur, pakaian dan seumpamanya.
3. Menjaga rahsia-rahsia suami, lebih-lebih yang berkenaan dengan hubungan intim antara dia dan suaminya.

Asma' bintu Yazid r.ha menceritakan dia pernah berada di sisi Rasulullah. Ketika itu kaum lelaki dan wanita sedang duduk. Baginda bertanya: "Barangkali antara kalian ada suami yang menceritakan apa yang diperbuatnya dengan isterinya (hubungan suami isteri), dan barangkali ada isteri yang memberitahu apa yang diperbuatnya bersama suaminya?" Maka mereka semua diam tidak ada yang menjawab. Aku (Asma) pun menjawab: "Demi Allah! Wahai Rasulullah, sesungguhnya mereka (para isteri) benar-benar melakukannya, demikian pula mereka (para suami)".

Baginda bersabda bermaksud: "Jangan lagi kalian lakukan, kerana yang demikian itu seperti syaitan jantan yang bertemu dengan syaitan betina di jalan, kemudian digaulinya sementara manusia menontonnya". (riwayat Ahmad 6/456)

4. Selalu berpenampilan yang bagus dan menarik di hadapan suaminya sehingga bila suaminya memandang akan menyenangkannya.
5. Ketika suaminya sedang berada di rumah, ia tidak menyibukkan dirinya dengan melakukan ibadah sunnah yang dapat menghalangi suaminya untuk *istimta'* (bernikmat-nikmat) dengannya seperti puasa, terkecuali bila suaminya mengizinkan.
6. Pandai mensyukuri pemberian dan kebaikan suami, tidak melupakan kebaikannya.
7. Bersegera memenuhi ajakan suami memenuhi hasratnya, tidak menolaknya tanpa alasan yang syarie, dan tidak menjauhi tempat tidur suaminya, kerana ia tahu dan takut terhadap berita Rasulullah SAW yang bermaksud: *Demi zat yang jiwaku berada di tangan-Nya, tidaklah seorang suami memanggil isterinya ke tempat tidurnya lalu si isteri menolak ajakan suaminya (enggan) melainkan Allah SWT murka terhadapnya hingga si suami reda padanya.* (riwayat Muslim no. 1436)



PETUA

Rambut Ubat Kaki Pecah

Ambillah rambut yang gugur (rambut sendiri) satu genggam, kemudian rambut itu terus dibakar dan abunya dicampurkan dengan minyak kelapa. Waktu mahu tidur malam, bahagian kaki yang pecah itu dibersihkan terlebih dahulu. Kemudian sapukan minyak dari abu rambut itu dengan menggunakan kapas di bahagian kaki yang bengkok. Bila sudah disapu pakailah sarung kaki yang agak longgar supaya cadar tempat tidur tidak kotor.

Jerawat

- Masukkan sebungkus daun teh (masih hijau) ke dalam air yang mendidih. Kemudian wap air teh itu dihadapkan ke muka. Buatlah sentiasa sehingga jerawat di muka anda hilang.
- Kupaskan ubi kentang dan hiriskan nipis-nipis lalu segera ditampalkan pada muka dan biarkan sehingga ubi kentang itu kering. Amalkan sedemikian setiap hari.

Rambut beruban

Ambil biji buah betik daripada buah betik yang sudah masak sebanyak 2 sudu besar. Jemur biji betik itu sampai betul-betul kering. Kemudian digoreng sampai hangus (jangan guna minyak) serta disusuli dengan tumbuk biji itu sampai halus. Campur debu biji betik itu dengan minyak kelapa dan kacau sampai merata. Setelah rambut anda dicuci bersih, lumurkan ramuan itu pada bahagian kepala yang beruban, seelok-eloknya sewaktu hendak tidur.

Bau mulut

Ambil beberapa helai daun sireh diramaskan ke dalam air dan berkumur. Buatlah selama beberapa hari.

Kunyit mengurangkan rabun mata

Sediakan 20 helai daun sireh dan satu oz kunyit dan keduanya diparut. Letakkan di atas penapis dan tuangkan air panas dan diperah. Minum air yang sudah ditapis itu satu gelas pada setiap hari.

MENGENALI RASULULLAH (S.A.W) - Bahagian 1

Rupa Bentuk Rasulullah (s.a.w)

Sesungguhnya bahawa tidak ada mana-mana manusia pun yang dapat menyamai Rasulullah (s.a.w). Baginda tidak dapat dibandingkan dengan mana-mana makhluk. Rasulullah (s.a.w) yang kita sayangi, cintai dan rindui.

Anas (r.a) pernah berkata

Rasulullah tidaklah tersangat tinggi dan tidaklah tersangat rendah. Hadis yang lain menyatakan baginda berada di tengah-tengah sekumpulan manusia, baginda akan ternampak seolah-olah tinggi daripada yang lain. Ianya mukjizat Rasulullah (s.a.w)

Warna wajahnya tidaklah terlalu puteh seumpama air kapur dan tidak pula pucat pudar. Wajah Rasulullah putih kemerah-merahan. Ali (r.a) merewayatkan “aku tidak pernah melihat seorang yang wajahnya terlebih tampan dan kacak sama ada sebelum atau selepas Rasulullah (s.a.w)”

Rambut mulia Rasulullah (s.a.w) tidak terlalu lurus dan tidak pula terlampau kerinting (seperti orang-orang Negro). Warnanya kehitam-hitaman,

Apabila berjalan langkah kakinya pantas. Hidung baginda mancung dan bercahaya.

Baginda dikurniakan kenabian pada usia 40 tahun. Baginda tinggal di Mekah selama 10 tahun dan tinggal di Madinah selama 10 tahun.

Allah telah mewafatkannya ketika umur baginda mencapai lebih enam puluh tahun. Uban yang ada pada rambut dan janggutnya tidak melebihi dua puluh helai.

Jabir bin Samurah (r.a) meriwayatkan bahawa “Rasulullah (s.a.w) mempunyai mulut yang lebar sesuai dengan wajahnya. Matanya lebar yakni bentuk mata yang panjang dan tumitnya tipis yang bermaksud daging tumitnya yang sedikit.

Al Barra bib ‘Azib meriwayatkan yang bermaksud “Rasulullah (s.a.w) seorang lelaki yang berperawakan sederhana, mempunyai dada yang bidang. Rambutnya lebat menjuntai sehingga mencecah kedua cuping telinganya. Baginda sering memakai pakaian yang merah di mana tiada seorang pun yang pernah aku lihat kacak daripadanya.”

Syaidina Ali (r.a) meriwayatkan “Badan Rasulullah (s.a.w) tidak gemuk, wajahnya tidak bulat tetapi bujur. Matanya tersangat hitam dan bulu keningnya panjang. Tulang-tulang sendi di badannya tebal. Badan Rasulullah (s.a.w) tidak berbulu, tidak ada bulu-bulu seluruh tubuh badannya. Walau bagaimana pun terdapat suatu barisan bulu daripada dada terus ke pusat. Tangan yang mulia penuh dengan isi-isi daging. Apabila baginda menumpukan perhatiannya kepada seseorang baginda melakukan dengan seluruh jasadnya. Baginda akan memusingkan seluruh tubuhnya yang mulia dan menoleh mukanya yang bercahaya untuk memberi perhatian.” Diantara dua bahunya terdapat tanda kenabian. Pangkat kenabian berakhir padanya Baginda terlebih dermawan daripada segala makhluk dan paling dipercayai percakapannya dan terlebih lembut hatinya daripada segala manusia. Beliau adalah daripada golongan keluarga yang mulia”

RENUNGAN

Seorang pemuda duduk di hadapan laptopnya. Login facebook. Benda pertama sekali dia check adalah inbox. Hari ini dia terlihat sesuatu yang dia terlepas pandang selama ini. Bahagian 'OTHER' di inboxnya. Ada satu, dua mesej. Mesej pertama, spam. Mesej kedua dibukanya. Mesej 3 bulan yang lepas tarikhnya. Ditatap isinya, "Salam.

Ini kali pertama abah cuba guna facebook. Abah cuba tambah kamu sebagai kawan tapi tak dapat. Abah pun tak faham sangat benda ni. Abah cuba hantar mesej ini kepada kamu. Maaf, abah tak biasa sangat menaip. Ini pun kawan abah yang ajarkan. Ingat tak bila pertama kali kamu ada henfon? Masa tu kamu tingkatan 4. Abah kesian semua anak-anak sekarang ada henfon. Jadi, abah hadiahkan pada kamu satu. Dengan harapan, kamu akan call abah kalau kamu ada nak kongsi masalah tentang asrama atau sekolah atau apa-apa saja. Tapi, kamu hanya call abah seminggu sekali. Tanya tentang duit makan dan belanja. Abah terfikir juga, topup RM10 tapi call abah tak sampai 5 minit boleh habis ke prepaid tu?

Masa kamu kecil dulu, abah ingat lagi bila kamu dah boleh bercakap. Kamu asyik panggil, 'Abah, abah, abah'. Abah seronok sekali anak lelaki abah panggil abah. Panggil mama. Abah seronok dapat bercakap dengan kamu walaupun kamu mungkin tidak ingat dan tak faham apa abah cakapkan di umur kamu 4, 5 tahun. Tapi, percayalah. Abah dan mama cakap dengan kamu banyak sangat. Kamulah penghibur kami di saat kami berduka. Walaupun hanya dengan keletah gelak tawa si kecil.

Bila kamu sekolah rendah. Abah ingat lagi kamu selalu bercakap dengan abah ketika membonceng motor dengan abah setiap pergi dan balik sekolah. Macam-macam kamu ceritakan pada abah. Tentang cikgu, sekolah, kawan-kawan. Abah jadi makin bersemangat bekerja keras cari duit untuk biaya kamu ke sekolah. Sebab kamu seronok sekali. Gembira. Ayah mana tidak gembira anak suka ke sekolah belajar.

Bila kamu sekolah menengah. Kamu ada kawan-kawan baru. Kamu balik dari sekolah, kamu masuk bilik. Kamu keluar bila masa makan. Kamu keluar dengan kawan-kawan. Kamu mulai jarang bercakap dengan abah. Kamu pandai. Akhirnya masuk asrama. Di asrama, jarak antara kita makin jauh. Kamu cari kami bila perlu. Kamu biarkan kami bila tak perlu. Abah tahu, naluri remaja. Abah pun pernah muda. Akhirnya, abah dapat tahu kamu ada kekasih. Ketika di universiti, sikap kamu sama sahaja ketika di sekolah menengah. Jarang hubungi kami. Bila balik cuti, kamu dengan henfon kamu. Kamu dengan laptop kamu. Kamu dengan internet kamu. Kamu dengan dunia kamu. Abah tertanya-tanya juga sendiri. Adakah kawan istimewa itu lebih penting dari abah dan mama? Adakah abah dan mama cuma diperlukan bila kamu nak nikah sahaja sebagai pemberi restu? Adakah kami ibarat tabung pada kamu sahaja?

Hakikatnya, kamu jarang berbicara dengan abah lagi. Ada pun boleh dibilang dengan jari. Berjumpa tapi tak berkata-kata. Sebumbung tapi seperti tak bersua. Bertegur bila cuma hari raya. Tanya sepeatah, jawab sepeatah. Dileter, kamu tarik muka. Dimarah, kamu tak balik cuti.

Malam ni, abah sebenarnya rindu sangat pada kamu. Bukan mahu berleter, mengungkit atau membangkit. Cuma abah dah terlalu tua. Abah dah di hujung 60 an. Kudrat abah tidak sekuat dulu lagi. Abah tak minta banyak... Kadang-kadang, abah cuma mahu kamu berada di sisi abah. Berbicara tentang hidup kamu. Luahkan apa yang terpendam dalam hati kamu. Menangis pada abah. Mengadu pada abah. Bercerita pada abah seperti kamu kecil-kecil dulu. Apapun. Maafkan abah atas nasihat abah ini. Jagalah solat. Jagalah hati. Jagalah iman.

Mungkin kamu tidak punya waktu berbicara dengan abah. Namun, jangan pula kamu tidak punya waktu berbicara dengan Tuhan. Usah letakkan cinta di hati pada seseorang melebihi cinta kepada Tuhan. Mungkin kamu terabaikan abah. Namun jangan kamu mengabaikan Tuhan.

Maafkan abah atas segalanya."

Pemuda menitikkan air mata. Dalam hati perit tidak terkira. Mana tidaknya, tulisan ayahandanya itu dibaca setelah 3 bulan beliau pergi buat selama-lamanya. Di saat tidak mungkin lagi mampu memeluk tubuh tua ayahnya.

~~~Hargai orang tua kita selama dia masih hidup...kadang kala kita terlalu sibuk dengan kerja...sampaikan kita lupa akan dia yang membesarkan kita...memberi pendidikan membolehkan kita mendapat pekerja..mengajar kita berjalan untuk bekerja..

**JANGAN NANTI ANAK KITA AKAN MELUPAKAN KITA SEPERTI MANA KITA MELUPAKAN IBUBAPA KITA**



**“Sebaik-baik manusia dikalangan kamu adalah mereka yang mempelajari al-Quran kemudian mengajarkannya”**

**Maksud Hadith**

## **Kelebihan Membaca Al-Quran**

Daripada Ibnu Umar r.a. berkata, sabda Rasulullah s.a.w, ”Sesungguhnya hati ini berkarat seperti mana berkaratnya besi apabila terkena air, seorang sahabat bertanya, “bagaimana menghapuskan karat tersebut”? Jawab Nabi s.a.w., banyakkannya menyebut mati dan membaca al-Quran. Rumah yang jika dibaca di dalamnya al-Quran, akan dikunjungi para Malaikat dan dijauhi syaitan dan selesa kehidupan ahli rumah tersebut dan banyak kebaikan dan kurang kejahatan dan ada pun rumah yang tidak dibaca di dalamnya al-Quran dikunjungi para syaitan dan dijauhi para Malaikat. Tidak selesa kehidupan ahli rumah tersebut, sedikit kebaikan dan banyak kejahatan.

Suatu riwayat yang dikeluarkan oleh Imam Muslim, mengatakan pernah Rasulullah s.a.w berlalu seraya melihat satu halaqah (perkumpulan) para sahabat, lalu baginda berujar: Apakah gerangan kamu berkumpul di sini? Jawab mereka: “Kami duduk berzikir kepada Allah Azzawajalla yang telah memberi petunjuk dengan Agama Islam, dan telah bermurah hati atas kami dengan hidayatnya. Ujar baginda: “Demi Allah, benarkah itu yang menyebabkan kamu berkumpul itu? Jawab mereka: “Demi Allah, kami tidak berkumpul di sini melainkan atas tujuan itu semata-mata.” Ujar baginda pula: “Sebenarnya aku tidak meminta kamu bersumpah kerana aku masih meragukan kebenaran kamu, tetapi Jibril a.s. telah mendatangi dan memberitahuku, bahawasanya Allah Ta’ala memuji-muji kamu di hadapan para Malaikat.”

Dalam satu riwayat lain dikeluarkan oleh al-Hakim, bahawa Rasulullah s.a.w.





mendapati suatu kelompok orang sedang berzikir kepada Allah Ta'ala, maka ujar baginda: "Apa yang kamu bicarakan, sesungguhnya aku lihat rahmat Allah sedang menghujani kamu, dan aku pun ingin menyertai kamu sekalian."

Pernah satu ketika seorang sahabat Rasulullah saw, Ibnu Masud didatangi oleh seorang lelaki yang raut wajahnya murung (berduka). Lalu lelaki itu berkata: "Wahai Ibnu Mas'ud, berikanlah kepadaku satu nasihat yang dapatku jadikan sebagai penawar untuk hatiku yang gelisah ini. Sejak akhir-akhir ini, perasaanku tidak begitu tenteram, jiwaku sentiasa gelisah, fikiranku juga selalu kusut. Aku tidak selera hendak makan, tidurku pun tidak lena."

Mendengar itu Ibnu Mas'ud terus berkata: "Sekiranya itulah penyakit yang menimpa jiwamu, maka hendaklah kamu bawa hatimu mengunjungi tiga tempat iaitu, tempat orang membaca al Quran sama ada kamu membacanya atau kamu mendengarnya. Kedua, majlis pengajian yang mengingatkan hatimu kepada Allah dan ketiga, carilah tempat dan waktu yang sesuai supaya kamu dapat beribadat kepada Allah SWT dengan khusyuk dan tulus ikhlas." Sebenarnya segala-galanya berbalik pada hati kita ini. Sebab itu kita perlu banyak berdoa agar hati kita sentiasa dekat dengan Allah SWT. Hanya dengan doa barulah kita boleh khusyuk dan cubalah amalkan doa ini yang mafhumnya: "Ya Allah Ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu daripada hati yang tidak khusyuk, dan doa yang tidak didengari, dan daripada nafsu yang tidak puas serta ilmu yang tidak bermanfaat. Aku berlindung dengan-Mu daripada empat perkara itu."

Selain pahala dan rahmat Allah yang kita perolehi dari membaca al-Quran dan berzikir kepada Allah Ta'ala, kita juga akan menambah ilmu pengetahuan agama, menguatkan iman, menempa ketenteraman, menghapuskan dari hati segala perkara yang merungsingkannya. Ini adalah mujarab bagi orang yang biasa membaca al-Quran dan berzikir kepada Allah Ta'ala, kerana al-Quran dan zikrullah itu menjadi jampi dan penawar bagi semua penyakit hati dan ketidak-tenteraman jiwa dan fikiran.

"Sampaikanlah pesanku  
biarpun satu ayat..!"



### Bior Penerbitan

#### Penasihat

*Pn.. Rohani Amat*

#### Ketua Editor

*En. Mohamed Amin Hj Ismail*

#### Pen. Editor 1

*Pn Noorhafizah Mohd Akil*

#### Pen. Editor 11

*En. Abdul Rahim Sulaiman*

#### Setiausaha Penerbitan

*Pn. Norhaliza Aini Bt Zainal*

Phone: 03-79462423

Fax: 03-79553401

Hubungi kami sekiranya perlu  
berkenaan Kelab Kebajikan  
kakitangan Pusat Matrikulasi  
UIAM.

Hubungi kami  
sekiranya ada artikel  
yang ingin di terbitkan

Kepada sesiapa yang ingin  
melihat gambar aktiviti kelab  
bolehlah melayari laman web  
kelab di bahagian galeri

### BERSAMA SETIAUSAHA AGONG

Nama: NOORADILAH BINTI MOHD RUKON

No staff: 4415

Jawatan di UIA: PENOLONG PEGAWAI AGAMA

Jawatan di Kelab : SETIAUSAHA AGONG

Alamat : NO:54, JALAN AU5C/ 8,  
LEMBAH KERAMAT, 54200  
KUALA LUMPUR.



Berapa lama jadi ahli kelab: 10  
TAHUN

Tarikh Lahir : 20 JUNE 1975

Tempat lahir : SG. PETANI, KEDAH.

Email : nooradilah@iium.edu.my

Harapan terhadap kelab: menjalankan aktiviti  
selaras dengan minat ahli dan menarik perhatian  
ahli dalam menjayakan aktiviti.

Selagi hidup  
teruskan berbakti  
walau tidak dipuji